

# TAEKWANDO

## 1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Pertandingan acara Taekwondo ini dijalankan mengikut undang-undang seperti berikut:-

1.1.1 Undang-undang dan Peraturan AM Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

1.1.2 Undang-Undang **World Taekwondo Federation** (WTF).

1.2 Kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut :

LELAKI	WANITA	CAMPURAN
Poomsae Individu	Wanita Individu	
Poomsae Berpasukan	Poomsae Berpasukan	Poomsae Campuran
Fin (Tidak Lebih 54 Kg)	Fin (Tidak Lebih 46 Kg)	
Fly (54 Kg – 58 Kg)	Fly (46 Kg – 49 Kg)	
Bantam (58 Kg – 63 Kg)	Bantam (49 Kg – 53 Kg)	
Feather (63 Kg – 68 Kg)	Feather (53 Kg – 57 Kg)	
Light (68 Kg – 74 Kg)	Light (57 Kg – 62 Kg)	
Welter (74 Kg – 80 Kg)	Welter (62 Kg – 67 Kg)	
Middle (80 Kg – 87 Kg)	Middle (67 Kg – 73 Kg)	
Heavy (87 Kg Ke Atas)	Heavy (73 Kg Ke Atas)	

1.3 Setiap peserta diwajibkan membuat pemeriksaan kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai yang setaraf dengannya.

1.4 Borang Pendaftaran Penyertaan, Borang Jaminan Diri dan Borang Pemeriksaan Kesihatan hendaklah diserahkan kepada penyelaras permainan sebelum pertandingan bermula.

## 2. PERATURAN PERTANDINGAN

- 2.1 Cabut undi akan dijalankan sebelum kejohanan berlangsung.
- 2.2 Acara Kyorugi : Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
- 2.3 Acara Poomsae : Pertandingan akan dijalankan secara penilaian berkumpulan dan semua acara yang dipertandingkan adalah peringkat akhir.
- 2.4 Bagi acara kyorugi, masa yang peruntukkan bagi setiap pusingan adalah selama 2 minit dan 3 pusingan akan diperuntukkan (2, 1, 2, 1, 2) untuk setiap perlawanan. Bagaimanapun ia tertakluk kepada sebarang perubahan semasa pertandingan.
- 2.5 Bagi acara poomsae, setiap peserta perlu bersedia dengan 'pattern' seperti berikut :

<b>LELAKI &amp; WANITA</b>	<b>PUSINGAN AWAL HINGGA AKHIR</b>
Individu	Taeguk 6, 7, 8 Jang, Koryo, Keumgang, Taeback, Pyongwon, Shipjin
Berpasukan (3 Orang)	Taeguk 6, 7, 8 Jang, Koryo, Keumgang, Taeback
Campuran (2 Orang)	Taeguk 6, 7, 8 Jang, Koryo, Keumgang, Taeback, Pyongwon

- 2.6 'Pattern' yang akan dipertandingkan di peringkat akhir akan ditentukan melalui undian sebelum kejohanan berlangsung.
- 2.7 Peserta yang kalah di separuh akhir bagi acara kyorugi dan peserta ditempatkan keempat bagi acara poomsae dikira sebagai pemenang pingat gangsa bersama.
- 2.8 Peserta **DIWAJIBKAN** untuk menjalani sesi timbang berat sehari sebelum pertandingan bermula. (bagi acara Kyorugi sahaja).
- 2.9 Berat semua peserta mestilah tetap mengikut kategori yang didaftarkan. Peserta akan digugurkan sekiranya melebihi atau berada di bawah berat kategori yang didaftarkan.
- 2.10 Timbang berat percubaan akan dijalankan satu jam sebelum timbang berat rasmi untuk mengurangkan pengguguran kategori.
- 2.11 Peralatan pertandingan hendaklah di bawa sendiri oleh pasukan/universiti masing-masing. Contoh : Head Gear, Body Protector dan lain-lain.
- 2.12 Semasa kejohanan berlangsung, sebanyak 3 panggilan akan diberikan kepada peserta yang lewat dan selepas masa itu pihak lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

# PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

*Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti*



## 3. RINGKASAN PENYERTAAN

Kategori	Atlet		Pegawai		
	Lelaki	Wanita	Pengurus	Jurulatih	Perubatan
Fin	1	1	2	2	1
Fly	1	1			
Bantam	1	1			
Feather	1	1			
Light	1	1			
Welter	1	1			
Middle	1	1			
Heavy	1	1			
Poomsae Individu	1	1			
Poomsae Berpasukan	3	3			
Poomsae Campuran	1	1			

## 4. PENYERTAAN PASUKAN

- 4.1 Setiap acara akan dipertandingkan sekiranya terdapat empat (4) atau lebih pasukan yang mengambil bahagian